

Rancangan Lawatan Bagi Murid-Murid Sekolah

oleh

Tunku Noraidah Tuanku Abdul Rahman*

Abstract: *School children are allowed to visit the Library during the long vacation only. The program for these visits was changed to enable a larger number of school children to visit the Library and to make such visits more effective. Beginning this year, instead of touring the Library, they are able to view a half-hour video program and a book exhibition which highlight the important and interesting aspects of the Library. The opening hours of the Library are also given.*

Pengenalan

Tiap tahun, murid-murid sekolah dari semua pelusuk negara mengunjungi Perpustakaan ini. Lawatan ke Perpustakaan ini hanya dibenarkan semasa cuti panjang universiti kerana pada masa ini, terdapat hanya sebilangan kecil pelajar universiti yang menggunakan Perpustakaan. Pada waktu-waktu lain, Perpustakaan penuh sesak dengan

pelajar-pelajar. Kesesakan ini akan bertambah sekiranya murid-murid dibenarkan mengunjunginya.

Rancangan Lama

Pada tahun-tahun yang lepas, sesebuah sekolah dikehendaki berhubung dengan Perpustakaan sekiranya sesuatu lawatan dirancang. Seterusnya kami akan menyemak jadual lawatan kami untuk mem-



* Pustakawan Perkhidmatan Pembaca, Perpustakaan Universiti Malaya.

pastikan lawatan tersebut tidak bercanggah dengan lawatan atau rancangan Perpustakaan yang lain. Kami difahamkan bahawa untuk mengadakan sesebuah lawatan, pihak sekolah perlu merancang lebih awal kerana Jabatan Pelajaran perlu diberitahu enam hingga lapan minggu sebelum lawatan tersebut diadakan. Apabila tarikh yang bersesuaian bagi kumpulan yang ingin melawat tidak bersesuaian dengan Perpustakaan, kerap kali lawatan terpaksa dibatalkan atau ditunda kepada satu masa yang lain. Apabila lawatan berpandu dikehendaki, seorang kakitangan Perpustakaan telah memandu murid-murid ke seluruh Perpustakaan. Oleh kerana kumpulan-kumpulan ini terlalu besar, mereka tidak dapat dipandu secara efektif.

Rancangan Baru

Mulai tahun ini, Perpustakaan telah mengubah corak rancangan bagi lawatan-lawatan ini untuk memastikan murid-murid mendapat faedah yang maksima darinya. Dengan rancangan baru ini juga, bilangan murid yang datang pada sesuatu masa tidak akan dihadkan. Pihak sekolah perlu berhubung dengan Pejabat Perhubungan Awam atau pun terus dengan Bahagian Perkhidmatan Pembaca, Perpustakaan mengenai lawatan-lawatan ini.

Selain dari lawatan dari sekolah-sekolah kami telah juga memanjangkan rancangan lawatan ini kepada anak-anak kakitangan Universiti Malaya yang berada di dalam tingkatan satu ke atas.



Waktu Perpustakaan dibuka semasa cuti panjang adalah seperti berikut:

Isnin — Jumaat — 8 pagi — 4 petang

Sabtu — 8 pagi — 12.30 tengahari


Ahad & cuti am — Tutup

Rancangan baru bagi lawatan-lawatan ini terbahagi kepada dua:

- i) Persembahan video
- ii) Pameran

i) Persembahan Video

Persembahan video yang ditayangkan melalui tiga peti televisyen menerangkan dengan jelas aspek-aspek yang penting mengenai Perpustakaan seperti cara




mencari sesebuah bahan melalui katalog, koleksi-koleksi yang berbagai bentuk dan jenis seperti koleksi kebangsaan, koleksi Asia Timur, koleksi manuskrip, koleksi pandang-dengar, dan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan seperti perkhidmatan rujukan, perkhidmatan salinan foto dan perkhidmatan istimewa untuk pelajar-pelajar cacat.

ii) Pameran

Kami berpendapat bahawa sesuatu lawatan tidak akan lengkap sekiranya murid-murid ini tidak diberi peluang melihat dengan dekat perkara-perkara yang telah diterangkan dalam persembahan video tersebut. Pameran yang diadakan khas untuk murid-murid ini memperlihatkan perkara-perkara berikut:

- i) Katalog-katalog Perpustakaan yang berbentuk kad dan COM (Computer-Output Microfiche). Nota-nota yang menerangkan dengan jelas perbezaan di antara kedua katalog ini juga disediakan,
- ii) Bahan-bahan rujukan seperti kamus pelbagai bahasa dan perkara, ensiklopedia am dan khusus, buku panduan dan sumber biografi,
- iii) Penerbitan-penerbitan Perpustakaan seperti senarai berkala dan bibliografi,



- iv) Contoh-contoh dari koleksi kebangsaan, koleksi manuskrip, koleksi Zaba, sastera peranakan dan beberapa versi Hikayat Abdullah,
- v) Mikrofon serta alat membacanya,
- vi) Koleksi majalah, dan
- vii) Proses penjilidan.

Penutup

Dalam tahun ini sahaja, seramai 2,450 murid telah datang melawat Perpustakaan.

Melalui lawatan-lawatan sambil belajar seperti ini, kami harap murid-murid sekolah serta guru-guru akan mengetahui dan sedar bagaimana pentingnya perpustakaan kepada sesebuah institusi pendidikan baik di peringkat tinggi mahu pun di peringkat rendah.

[Rencana ini telah dihantar ke Bahagian Sekolah-sekolah, Kementerian Pelajaran untuk diedarkan.]